



HAMASAH : INOVASI PROGRAM HAFAZAN MUSIM CUTI SEKOLAH

Group member

PRODUCT

46

YUNUS BIN SALEH

NOR AZAM BIN ABDULLAH

NOOR ASNIZA BINTI ALIAS

ABSTRACT

HAMASAH ialah program Hafazan Musim Cuti Sekolah yang dilaksanakan di SBPI Rawang, sebuah sekolah Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada kebiasaannya, sekolah-sekolah tahfiz melaksanakan program hafazan musim cuti secara berpusat di sekolah, kem latihan atau pusat-pusat perancangan. Namun sebahagian murid sukar untuk mengikutinya kerana bertembung dengan jadual aktiviti keluarga. Sehubungan itu, program HAMASAH tampil dengan inovasinya yang tersendiri yang berdiri di atas prinsip keluwesan atau fleksibiliti. Guru-guru TMUA yang terlibat dalam program HAMASAH akan menetapkan tarikh sesi HAMASAH masing-masing, tempat, tempoh serta mod program; sama ada separuh atau sepenuh masa. Kuantiti hafazan yang disasarkan bergantung kepada bilangan hari program dan mod yang dipilih. Sebagai peserta, murid memilih untuk mengikuti mana-mana kumpulan HAMASAH yang disenaraikan berdasarkan kesesuaian tarikh HAMASAH yang tidak bertembung dengan program keluarga, tempat yang berhampiran dengan rumah serta kuantiti hafazan yang disasarkan. Dengan mengikuti program HAMASAH, murid akan terus menghafaz Al-Quran semasa cuti sekaligus mempercepatkan tempoh khatam. Murid-murid juga tidak perlu mengulang semua bacaan selepas kembali ke sekolah kerana guru-guru HAMASAH adalah guru TMUA. Hasil pelaksanaan program HAMASAH kali pertama, daripada 200 orang murid yang menyertainya, seramai 73 orang murid (36.5%) telah berjaya menghafaz 20-50 halaman Al-Quran dalam tempoh purata lima hari HAMASAH dilaksanakan, manakala 103 orang (51.5%) berjaya menghafaz 10-20 halaman Al-Quran. Disamping itu juga, program HAMASAH telah berjaya menyumbang RM61,190.00 kepada pendapatan kasar Koperasi SBPI Rawang.

INTRODUCTION

SBPI Rawang merupakan salah sebuah sekolah yang melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) bermula tahun 2015. Antara objektif utama KBT adalah melahirkan modal insan yang menghafaz 30 Juzuk Al-Quran. Tempoh hafazan 30 juzuk mengambil masa lima tahun semasa sesi pembelajaran murid di sekolah. SBPI Rawang pula menawarkan kepada murid pakej sains tulen dan KBT dalam SPM (12 mata pelajaran). Mengambil kira murid sekolah berasrama penuh mempunyai aktiviti sekolah yang begitu padat dari semua aktiviti pdpc, asrama dan ko-kurikulum. Proses hafazan mempunyai cabaran yang besar kepada murid untuk sentiasa istiqamah dalam tasmik (baca hafazan baru) disamping menjadi kewajipan seorang penghafaz Al-Quran perlu mengingat semua ayat yang dihafaz (murajaah). Akibat terlalu sibuk dengan aktiviti atau kerja sekolah yang lain, murid sering kali mula menghafaz Al-Quran ketika waktu pdpc tasmik dan akhirnya tidak dapat membaca hafazan pada waktu yang ditetapkan menyebabkan mereka tertinggal dengan rakan yang lain dan ada juga yang tidak mencapai sukatan hafazan semasa.

Nama HAMASAH dipilih kerana HAMASAH bermaksud semangat. Untuk memastikan program ini memberi impak, program ini mesti dilaksanakan dengan penuh semangat dan bersungguh-sungguh.

METHODOLOGY

KELUWESAN & FLEKSIBILITI

Tarikh, dan masa dipilih sendiri mengikut kesesuaian ibubapa dan murid

Pilihan lokasi yang banyak, memudahkan ibubapa memilih tempat yang hampir dengan rumah atau selesa untuk anaknya.

Pilihan mod sepenuh masa atau separuh masa

Murid memilih sendiri guru tasmik yang disenangi.

Tasmik hafazan sahaja.

Sasaran muka surat hafazan disasarkan oleh murid

PRODUCT DESCRIPTION/ INNOVATION IN BRIEF

- ❖ Tarikh dan masa dipilih sendiri mengikut kesesuaian ibu bapa dan murid.
- ❖ Tempat pilihan murid mengikut kesenangan dan keselesaan murid.
- ❖ Kelas tasmik dikendalikan oleh guru-guru TMUA KPM SEPINTAR yang berpengalaman.
- ❖ Tasmik hafazan diiktiraf sebagai hafazan baharu dalam rekod rasmi TMUA.
- ❖ Peserta berpontensi untuk khatam lebih awal dengan mengikuti program HAMASAH ini.
- ❖ Saiz halaqah yang kecil. Maksimum 10 peserta sahaja untuk satu halaqah
- ❖ Pilihan dua mod, Sepenuh masa (bermalam), Separuh masa (8.00 pagi sehingga 5.00 petang)

METHODOLOGY

FASA PELAKSANAAN

FASA SEBELUM			
KERTAS KERJA	TAKLIMAT	PERSEDIAAN GURU & LOKASI	IKLAN

FASA SEMASA

PELAKSANAAN HAMASAH

FASA SELEPAS

LAPORAN DATA HAFAZAN	SIJIL	DOKUMENTASI
----------------------	-------	-------------



SHARIAH COMPLIANCES

Program HAMASAH memperkasakan hafazan al-Quran dan termasuk di bawah maqasid syariyyah hifz al-din

“LEADING INNOVATION”

SIGNIFICANCES

- ❖ Memperkukuhkan Pelan Kecemerlangan Sekolah
- ❖ Sukatan hafazan tahunan dapat dihabiskan dalam masa yang singkat
 - ❖ Khatam hafazan 30 juz Al-Quran sebelum tingkatan 5 dan boleh menumpukan sepenuhnya kepada murajaah, akademik dan ko-kurikulum
- ❖ Pengisian cuti sekolah dengan aktiviti yang sangat bermanfaat dan berfaedah

NOVELTY/ ORIGINALITY

Satu-satunya program hafazan musim cuti yang memberikan fleksibiliti kepada peserta, ibu bapa dan guru.

Untuk itu program ini telah diterima untuk diterbitkan dalam Jurnal Pendidikan Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) 2021

AWARDS :: PUBLICATION :: PATTERNS

Program ini telah diterima untuk diterbitkan dalam Jurnal Pendidikan Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) 2021